

26 FEB 2003

NAM-Rangkuman (Penutup)/I

SIDANG KEMUNCIAK NAM BERAKHIR, PEMIMPIN GESA IRAQ LUCUT SENJATA

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Pemimpin negara-negara membangun mengakhiri sidang kemuncak mereka di sini lewat malam tadi dengan menggesa Iraq mematuhi resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk melucutkan senjatanya demi menghindari perang.

Mereka berikrar untuk membantu mengukuhkan PBB dengan berkata : "ia sebuah pertubuhan antarabangsa sangat diperlukan bagi memelihara keamanan dan keselamatan."

Pemimpin Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang bilangan anggotanya mencakupi dua pertiga keanggotaan PBB mengadakan sidang kemuncak ke-13 di sini semasa dunia dibayangi ancaman serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq atas alasan negara Arab yang juga anggota NAM itu masih menyembunyikan senjata pemusnah besar-besaran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi baru NAM semasa merasmikan sidang itu Isnin dengan mesej anti perang yang lantang, memberitahu sidang media selepas penutupan sidang itu lewat malam tadi bahawa keutamaan segera NAM adalah menyelesaikan krisis Palestin dan menghindari perang di Iraq.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata tidak perlu bagi para pemimpin pergerakan itu untuk melawat Iraq bagi meninjau pemeriksaan senjata yang sedang dijalankan kerana mereka yakin Baghdad memberikan kerjasama kepada pasukan pemeriksa PBB.

Para pemimpin itu berkata mereka yakin penyelesaian diplomatik dan aman masih boleh dicapai walaupun selepas AS telah menyatakan kesediaan untuk menyerang Baghdad.

Sekiranya perang diperlukan, PBB perlu memberikan persetujuan terlebih dahulu, kata mereka.

Naib Presiden Iraq Taha Yassin Ramadan yang mengetuai delegasi negaranya ke mesyuarat itu, menjemput NAM menghantar delegasi peringkat tinggi ke Iraq bagi melihat kerjasama yang diberikan Baghdad kepada pasukan pemeriksa senjata PBB.

"Pihak yang cekap menjalankan tugas seperti itu adalah pasukan pemeriksa senjata. Siapapun tidak akan mempercayainya jika pemimpin NAM mengumumkan pemeriksaan mereka mendapati tiada senjata pemusnah besar-besaran di Baghdad," kata Dr Mahathir.

Para pemimpin NAM yang menyuarakan kebimbangan terhadap kemusnahan dan kerosakan berterusan yang dilakukan tentera Israel terhadap masyarakat dan pentadbiran Palestin, mendesak pengunduran serta merta tentera regim Yahudi itu dari wilayah Palestin kepada kedudukan sebelum September 2000.

Pemimpin Palestin Yasser Arafat yang tidak dapat menghadiri mesyuarat itu kerana bimbang Israel tidak akan membenarkan beliau balik, dalam siaran rakaman video dari Palestin, menggesa para pemimpin NAM menghantar satu misi pencarian fakta ke Palestin untuk melihat dari dekat realiti keadaan di sana.

Kira-kira separuh daripada anggota NAM adalah negara Islam dan mereka mengulangi sokongan kepada Arafat sebagai pemimpin yang dipilih rakyat dan lambang perjuangan rakyat Palestin.

Dr Mahathir yang menggesa perang diharamkan dalam ucapan perasmian sidang itu, memberitahu sidang media itu bahawa semua pihak perlu melucutkan apa sahaja jenis senjata pemusnah besar-besaran dan juga senjata konvensional yang sedang dibangunkan hingga ke peringkat ia juga boleh menjadi senjata pemusnah besar-besaran.

Presiden Zimbabwe Robert Mugabe memberitahu sidang itu bahawa AS sendiri tidak memusnahkan senjata pemusnah besar-besaran yang dimilikinya serta enggan menandatangani perjanjian pelucutan senjata nuklear.

Beliau turut membidas Britain, bekas penjajah Zimbabwe, dengan menyifatkan negara itu sebagai penjajah yang dilahirkan semula dan anjing pemburu yang "sedang menghidu darah Dunia Ketiga".

"Kami, yang menjadi buruan, akan menjadi semebelihan," kata Mugabe.

Korea Utara yang dalam kancah pertelingkahan dengan AS berhubung program nuklearnya, mengecam Washington yang dikatakannya sedang mengancam kedaulatan dan hak kewujudan negara-negara membangun.

Naib Presidennya Kim Yong Nam berkata negaranya terpaksa menarik diri daripada Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear "bagi menangani keadaan genting di mana kepentingannya teruk diancam oleh dasar sumber AS."

Mengulas mengenai krisis di semenanjung Korea itu, Dr Mahathir pada sidang media itu berkata beliau percaya Pyongyang berhasrat berunding terus dengan Washington bagi menyelesaikan krisis itu.

"Korea Utara tidak berhajat mengisytiharkan perang atau berbuat sesuatu tetapi Korea Utara memiliki senjata dan senjata sedang diuji. Sepanjang pengetahuan saya, ia bukanlah senjata nuklear," kata Dr Mahathir.

Apabila ditanya mengenai ujian peluru berpandu oleh Korea Utara semalam, Dr Mahathir berkata: "Lain-lain negara juga menguji senjata, jadi ujian itu tidak bermakna mereka mengisytiharkan perang."

Pemimpin NAM mengisytiharkan penentangan terhadap unipolar serta mengecam tindakan ketenteraan secara unilateral oleh sesetengah negara terhadap negara berkecuali dan membangun, kononnya dengan alasan memerangi keganasan tetapi sebenarnya untuk menutup agenda politik dan ekonomi.

Mereka mengutuk penggunaan terma "paksi kejahatan" untuk menasarkkan negara lain bagi melindungi matlamat politik dan ekonomi.

Para pemimpin itu menggariskan keperluan perpaduan dengan negara-negara yang menjadi sasaran dan mengecam penyenaian unilateral negara-negara yang kononnya menyokong keganasan dengan menganggap tindakan itu sebagai keganasan berbentuk politik dan psikologi.

Washington telah melabel Iraq, Iran dan Korea Utara, semuanya anggota NAM, sebagai "paksi kejahatan" kerana didakwa menyokong keganasan dan usaha mereka untuk memiliki senjata pemusnah besar-besaran.

Pemimpin NAM mengulangi gesaan bagi diadakan sidang kemuncak antarabangsa di bawah naungan PBB bagi mengenalpasti punca keganasan dan merancang plan tindakan bersama memerangi semua bentuk keganasan.

Mereka juga mengutuk semua tekanan ekonomi dan lain-lain yang dibuat secara unilateral bagi menghalang beberapa negara membangun daripada melaksanakan hak menentukan sendiri sistem politik, ekonomi dan sosial.

-- BERNAMA

AU RYN RYN MOZ